

25/07/2001

Malaysia sedia bantu pulih ekonomi Indonesia

KUALA LUMPUR, Selasa - Malaysia sedia membantu memulihkan ekonomi Indonesia di bawah pimpinan baru Megawati Sukarnoputri jika ada permintaan untuk berbuat demikian, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, kesanggupan kerajaan memberi bantuan itu kerana sebarang masalah ekonomi Indonesia akan memberi kesan kepada negara jiran, termasuk Malaysia seperti banjir pendatang tanpa izin.

"Kalau kita ditanya atau diminta untuk bekerjasama, kita sanggup bekerjasama untuk menentukan pemulihan ekonomi Indonesia kerana kalau dia tak pulih, kita akan menghadapi masalah dari segi perdagangan, imigran dan lain-lain," katanya selepas menyaksikan majlis penyerahan kad pintar di Taman Teknologi Malaysia, Bukit Jalil, dekat sini hari ini.

Beliau ditanya sama ada Kuala Lumpur sanggup membantu memulihkan ekonomi Jakarta kerana setiap kali berlaku masalah ekonomi atau pergolakan politik di republik itu itu, kesannya turut membabitkan Malaysia.

Megawati mengangkat sumpah presiden kelima republik itu selepas sidang khas Majlis Permesyuaratan Rakyat (MPR) petang semalam memecat Abdurrahman Wahid (Gus Dur).

Ditanya sama ada kegawatan politik Indonesia yang menyaksikan kejatuhan dua presiden dalam tempoh terdekat memberi kesan terhadap senario kestabilan politik serantau, Dr Mahathir berkata ia tidak semestinya berlaku sedemikian.

"Sedikit sebanyak ia memberi kesan tidak stabil tetapi saya berpendapat, kita (Asean) boleh menangani perubahan. Ada perubahan di Filipina, Perdana Menteri Thailand bertukar, (tetapi) Malaysia belum bertukar," katanya berseloroh.

Perdana Menteri menegaskan, perubahan kepemimpinan di Indonesia sekarang adalah hak rakyat membuat penentuan.

"Sesiapa saja yang membentuk Kerajaan Indonesia, kita akan terima. Kita tidak cuba menilai kerajaan yang mana satu lebih baik... itu hak mereka (rakyat Indonesia) untuk memilih siapa pemimpin yang mereka mahu.

"Sesiapa saja yang mereka pilih, kita akan berasa gembira untuk bekerjasama dengan mereka," katanya.

(END)